



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

## KENYATAAN MEDIA AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

### TINDAKAN PUNITIF: KOMPAUN RM100,000 TERHADAP RAPID RAIL SDN. BHD. ATAS PELANGGARAN AKTA 715

**KUALA LUMPUR, 11 April 2026** – Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) melalui Kementerian Pengangkutan memutuskan untuk mengekalkan tindakan kompaun sebanyak RM100,000 terhadap Rapid Rail Sdn. Bhd. (RRSB) atas kesalahan di bawah Seksyen 101(10) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715].

Tindakan punitif ini dikenakan susulan insiden pada 24 Mei 2021, lebih kurang jam 8.47 malam di Stesen LRT KLCC menghala Stesen LRT Kampung Baru. Akibat kepincangan penyelenggaraan, RRSB selaku pengendali berlesen telah gagal untuk memastikan jajaran kereta api selamat untuk pengoperasian sehingga mengakibatkan *limb rail* berada dalam keadaan tidak boleh dibaca di kedua-dua arah. Ini telah menyebabkan kegagalan untuk mengendalikan tren dengan selamat sehingga berlaku insiden yang melibatkan seramai 213 penumpang dan 65 daripadanya cedera.

APAD menegaskan bahawa keselamatan operasi pengangkutan awam darat merupakan keutamaan tertinggi dan tidak boleh dikompromi dalam apa jua keadaan. Tindakan penguatkuasaan ini bukan sahaja sebagai langkah pematuhan undang-undang, malah sebagai peringatan tegas kepada semua pengendali perkhidmatan kereta api agar sentiasa memastikan penyelenggaraan dilaksanakan mengikut piawaian teknikal yang ditetapkan serta latihan mencukupi diberikan kepada kakitangan yang terlibat.

Keputusan untuk mengenakan kompaun ini juga mengambil kira kepentingan awam dan prinsip akauntabiliti dalam memastikan integriti sistem pengangkutan kereta api negara terus terpelihara.



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

APAD akan terus komited untuk memperkukuhkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan setiap pengendali mematuhi sepenuhnya keperluan perundangan, keperluan operasi dan standard keselamatan yang telah ditetapkan.

**##TAMAT##**

**Dikeluarkan oleh:**

Unit Komunikasi Korporat

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)

11 April 2026

---

**Tentang APAD:**

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

**Pertanyaan Media**

**Agensi Pengangkutan Awam Darat**

Tel +603 2602 5060 (Talian Umum)

+603 2603 6690 (Unit Komunikasi Korporat)

E-mail [ukk@apad.gov.my](mailto:ukk@apad.gov.my)